



Fakulti

- Dekan, Fakulti Farmasi
- Dekan, Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina
- Dekan, Fakulti Pergigian
- Dekan, Fakulti Sains & Teknologi
- Dekan, Fakulti Sains Kesihatan
- Dekan, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan
- Dekan, Fakulti Perubatan

Institut

- Pengarah, Institut Biologi Sistem (INBIOSIS)
- Pengarah, Institut Sel Fuel
- Pengarah, Institut Kejuruteraan Mikro & Nanoelektronik (IMEN)
- Pengarah, Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI)
- Pengarah, Institut Perubatan Molekul (UMBI)
- Pengarah, Institut Alam Sekitar & Pembangunan (LESTARI)
- Pengarah, Institut Perubahan Iklim (IPI)

Pusat

- Pusat Pengurusan Makmal Alami dan Fizikal UKM (ALAF-UKM)
- Pengarah, Pusat GENIUS@Pintar Negara
- Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti

Jabatan

- Ketua Pustakawan, Perpustakaan Tun Seri Lanang



MS ISO 9001:2015 Cert. No. QMS 02549

YBhg. Prof./ Tuan/ Puan,

**PEKELILING PUSAT PENGURUSAN RISIKO,
KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (ROSH-UKM) BIL.3/2023:
PERALATAN PENGALIHUDARAAN EKZOS SETEMPAT**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak YBhg. Prof./ Tuan/ Puan dapat memberikan kerjasama bagi memastikan peralatan pengalihudaraan ekzos setempat yang dipasang hendaklah direka bentuk mengikut standard yang diluluskan oleh jurutera professional berdaftar selaras dengan Peraturan-Peraturan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan Dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000 di bawah Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994:

Bahagian V - Tindakan Untuk Mengawal Pendedahan

Peraturan 18. Reka bentuk, pembinaan dan pentauliahan kelengkapan pengalihudaraan ekzos setempat.

(1) Tanpa menjejaskan keperluan peraturan 17(1), mana-mana peralatan pengalihudaraan ekzos setempat yang dipasang hendaklah-

(a) direka bentuk mengikut standard yang diluluskan oleh jurutera profesional berdaftar dan dibina mengikut spesifikasi reka bentuk; dan


(b) diuji oleh jurutera profesional berdaftar selepas pembinaan dan pemasangan untuk membuktikan bahawa peralatan itu memenuhi spesifikasi reka bentuk

3. Sehubungan itu, YBhg. Prof./ Tuan/ Puan perlu memastikan peraturan di atas dipatuhi. Mohon kerjasama YBhg. Prof./ Tuan/ Puan menyampaikan maklumat ini kepada semua kakitangan di bawah pengawasan YBhg. Prof./ Tuan/ Puan. Kerjasama YBhg. Prof./ Tuan/ Puan dalam perkara ini saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"Selamat Bekerja dan Bekerja Dengan Selamat"

Yang benar,



PROF. Ts. DR. KADIR ARIFIN

Pengarah

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM)

s.k. - YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Suzeren Md Jamil
Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni)
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, UKM

- Pengarah,
Jabatan Pembangunan Prasarana (JPP)
Universiti Kebangsaan Malaysia



MS ISO 9001:2015 Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3308/4076/4350 Faks: +603-8921 4077 E-mel: pghrosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh